

24 JUN 1999

MAHATHIR-KDNK

KERAJAAN TIDAK AKAN SEMAK SEMULA RAMALAN PERTUMBUHAN PERATUS

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa kerajaan akan mengekalkan ramalan pertumbuhan ekonomi dalam Keluaran Dalam Negara Kasar pada kadar satu peratus bagi tahun 1999, meskipun beberapa firma penyelidikan asing memberi angka KDNK yang lebih tinggi bagi Malaysia.

Katanya kerajaan tidak boleh menyemak semula angka pertumbuhan ramalan bagi tahun ini buat masa ini, kerana masih ada lagi separuh tahun untuk dilalui.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman berkata pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini daripada setahun lalu, berdasarkan pada tahun asas baru 1987.

Katanya suku pertama KDNK sepatutnya menguncup sebanyak 1.6 peratus, seperti yang disebut oleh Dr Mahathir baru-baru ini, dengan menggunakan kaedah lama dan tahun asas perangkaan 1978.

Ali Abul juga memberi jaminan bahawa negara ini sudah pun terkeluar dari kemelesetan ekonominya, berdasarkan dari pertumbuhan KDNK 1.4 peratus yang dicatatkan pada tempoh Febuari hingga Mac berbanding dengan tempoh setahun sebelumnya.

Dr Mahathir juga berkata meskipun suku kedua kelihatan menunjukkan angka-angka yang memuaskan, namun adalah terlalu awal untuk menyatakan apa yang akan berlaku selanjut tahun ini.

"Jadi, kita mengawasi dengan teliti bagi memastikan pertumbuhan diteruskan," katanya pada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional, di sini.

Tambahnya, besar kemungkinan pertumbuhan ekonomi akan menjadi amat baik selanjutnya tetapi Malaysia tidak terdaya mengawal sepenuhnya ekonomi kerana kuasa luar dan tindakannya mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Mengenai keengganan bank-bank perdagangan menyalurkan pinjaman dengan segera, katanya bank pusat sedang mengkaji perkara itu.

"Nampaknya bank-bank ini tidak berminat untuk menyalurkan pinjaman. Sekali sekali kita menerima rayuan dari orang-orang yang mahu meminjam wang, tetapi mereka tidak diberikan pinjaman oleh bank-bank.

"Kita tidak mahu menjadi orang yang memutuskan untuk memberikan pinjaman seumpama itu...bank-bank perlukan membuat keputusan sendiri," katanya sambil menambah: "kita terpaksa campurtangan meminta mereka memberikan pinjaman."

Bagaimanapun, Dr Mahathir menambah bahawa jika mereka (bank-bank) tidak berdaya membuat keputusan, maka "kita mungkin memikirkan beberapa cara mendapatkan orang yang mampu berbuat demikian."

-- BERNAMA

MK MA